

19 SEP, 2022

Diskusi Industri Agromakanan



Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Diskusi Industri Agromakanan

Peluang masyarakat setempat bertanya terus kepada agensi MAFI

Oleh Siti Aisyah Narudin

BELURAN: Diskusi Industri Agromakanan anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sempena Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran buka peluang interaksi bersama masyarakat setempat.

Program berkenaan diadakan di tapak tamu di sini kelmarin dengan menampilkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee sebagai salah seorang ahli panel.

Beliau bersama ahli panel yang lain berpeluang membicarakan mengenai program-program pembangunan, dasar-dasar semasa dan pelaksanaan program semasa serta akan datang untuk daerah Beluran.

Ronald berkata, menerusi diskusi seumpama itu, ke menteriannya dapat menerima maklum balas komuniti agromakanan serta pandangan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan.



DISKUSI: Ronald (tengah) bersama ahli panel yang menjayakan Program Diskusi Industri Agromakanan.

Pada masa sama katanya, program itu turut memberikan keyakinan kepada komuniti agromakanan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat.

“Masyarakat setempat berpeluang bertanya dan berinteraksi secara terus kepada agensi-agensi di bawah Kementer-

ian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai program dan projek pembangunan yang sudah dilaksanakan serta yang masih dalam proses serta akan dibangunkan bagi tahun semasa dan akan datang di Beluran,” jelasnya.

Ahli panel lain yang menyertai Diskusi Industri Agromakanan itu termasuk Ketua Pengarah LPP Datuk Azulita Salim; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Yusoff Othman dan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Selain program diskusi, turut diadakan aktiviti MAFI Prihatin, My Best Buy, Kenduri Rakyat, dan Karnival Sukan Piala Peladang.



19 SEP, 2022

Diskusi Industri Agromakanan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Peluang masyarakat setempat bertanya terus kepada agensi MAFI

BELURAN: Diskusi Industri Agromakanan anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sempena Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran buka peluang interaksi bersama masyarakat setempat. Program berkenaan diadakan di tapak tamu di sini kelmarin dengan menampilkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee sebagai salah seorang ahli panel.